



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
PULAU PINANG TAHUN 2021**

1. Pengauditan terhadap aktiviti agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Subperenggan 6(d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Subperenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilaksanakan selaras dengan Subperenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan Negeri. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang Di-Pertua Negeri berkenaan untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

2. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022. Manakala LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 4 November 2022 (Jumaat).

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

3.1.1. Pengauditan Aktiviti Agensi Kerajaan Negeri

- i. Satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Pulau Pinang iaitu Aktiviti Pembangunan Hartanah Industri di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan harta tanah industri telah mencapai objektif yang ditetapkan dalam dasar Kerajaan negeri iaitu untuk mempertingkatkan aktiviti perindustrian. Prestasi aktiviti adalah baik seperti berikut:
 - seluas 8,098 ekar (70.7%) tanah perindustrian telah dibangunkan oleh PDC berbanding sasaran ditetapkan (11,447 ekar);
 - peratus jualan melebihi 95% iaitu mencapai 96.4% bagi lot industri dan 97.3% bagi unit IKS;
 - pencapaian hasil jualan adalah baik kerana melebihi sasaran ditetapkan iaitu pada kadar purata 139.4%; dan
 - aktiviti pembangunan harta tanah industri juga telah memberi manfaat kepada pembeli/pemajak/penyewa bagi 1,536 lot industri dan 325 unit IKS serta memberi pulangan hasil kepada Kerajaan negeri sejumlah RM134.53 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

ii. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti terhadap 5.6% lot industri yang masih belum didirikan kilang oleh pembeli yang melebihi tempoh dua tahun daripada tarikh pindah milik di mana tindakan pemantauan oleh PDC dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) tidak memuaskan.

3.1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- i. Pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan bagi Penang Institute (PI). Pengauditan ini merangkumi tiga aspek iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, PI telah mencapai objektif penubuhannya dalam menjalankan kajian sosioekonomi dan alam sekitar yang relevan bagi membantu Kerajaan negeri terhadap pembangunan di Pulau Pinang.
- ii. Prestasi aktiviti penyelidikan dan penerbitan adalah baik kerana peningkatan dalam bilangan penyelidikan dan penerbitan yang dilaksanakan bagi tahun 2018 hingga 2021. Bagaimanapun, perekodan bahan penerbitan yang ditempatkan di Penang Studies Resource Centre (PSRC) kurang cekap kerana sebanyak 2,997 bahan penerbitan yang diterima bagi tempoh tahun 2010 hingga 2021 masih belum direkodkan. Pengurusan buku yang diterbitkan kurang memuaskan kerana terdapat stok buku cetakan antara tahun 2010 hingga 2021 masih disimpan di PI.
- iii. Amalan tadbir urus korporat berada pada tahap kurang memuaskan di mana tujuh daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam dan Setiausaha Syarikat. Bagaimanapun, kedudukan kewangan PI berada pada tahap stabil kerana mencatat lebih sebelum cukai pada tahun 2018 dan 2019.

3.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2021

3.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

i. Pengauditran yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain iaitu:

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menyelenggara lejar subsidiari pendeposit dengan teratur, lengkap dan kemas kini. Senarai baki akaun deposit hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan baki deposit diperakaunkan dengan tepat dan betul.

3.2.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- i. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM2.117 bilion iaitu meningkat sebanyak RM295.54 juta (16.2%) berbanding RM1.821 bilion pada akhir tahun 2020.
- ii. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2021 berkurangan sebanyak RM38.97 juta (4.4%) menjadikannya berjumlah RM848.81 juta berbanding RM887.78 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM224.96 juta (48.1%) menjadi RM692.24 juta berbanding RM467.28 juta pada tahun 2020. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan defisit berjumlah RM38.97 juta berbanding defisit RM267.06 juta yang diperoleh pada tahun 2020.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/agensi/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan/agensi dan pengurusan syarikat berkenaan, sebanyak tujuh syor telah dicadangkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan sembilan syor dalam LKAN Tahun 2021 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pulau Pinang.

5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 4 November 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 4 November 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

4 November 2022

9 Rabiul Akhir 1444H